

## **Pahang warta dua hutan simpan sebagai rizab harimau**



**TENGKU HASANAL**

# **Pahang warta dua hutan simpan sebagai rizab harimau**

PEMANGKU Raja Pahang, Tengku Mahkota, Tengku Hassanal Ibrahim Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menzahirkan penghargaan kepada kerajaan negeri tersebut di atas pewartaan Hutan Simpan Gunung Aais dan Hutan Simpan Gunung Aais Tambahan sebagai Rizab Harimau Diraja Al-Sultan Abdullah.

Baginda bertitah, rizab berkenaan merupakan yang pertama di Malaysia dan usaha tersebut harus diberikan pujian kerana Pahang paling terkedepan dalam usaha melindungi spesies semakin terancam itu.

"Gunung-ganang, tasik dan hutan dara adalah khazanah Pahang yang tidak terhingga nilainya.

"Habitat harimau mesti dijaga, kelestarian hutan akan terpelihara.

"Saya yakin dan percaya bahawa kelestarian alam sekitar mampu menjamin kesejahteraan kehidupan, kemapanan sumber asli, kestabilan politik dan kerajaan yang memerintah serta kelangsungan pembangunan negara yang lebih seimbang," titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada Istiadat Pembukaan Penggal Kedua, Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang Ke-15 di Wisma Sri Pahang baru-baru ini.

Sementara itu, baginda menggesa agar penguatkuasaan di Pahang diperketatkan dan bertindak agresif terhadap pencuri khazanah negeri tersebut.

"Kerap kali saya menerima laporan terhadap aktiviti penguatkuasaan seperti pencerobohan tanah kecurian hasil tanah dan mineral serta penerokaan hutan simpan secara tidak sah.

"Saya mahu semua agensi penguatkuasaan bertindak tegas dan berani, jalankan tugas dengan profesional tanpa mengira latar belakang pesalah," titah baginda.